



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 04 September 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	KPWKM Tumpu Pengukuhan Nilai Keluarga Dan Masyarakat Pada 2025 Menerusi Lima Inisiatif Utama https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-tumpu-pengukuhan-nilai-keluarga-dan-masyarakat-pada-2025-menerusi-lima-inisiatif-utama-486330 https://thesun.my/local-news/five-key-initiatives-to-strengthen-family-and-community-values-in-2025-kpwkm-DP12959578 https://www.bernama.com/en/news.php/news.php?id=2336521 https://thesun.my/cerita/berita/kpwkm-tumpu-pengukuhan-nilai-keluarga-dan-masyarakat-pada-2025-menerusi-lima-inisiatif-utama-JP12959550 https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2336508	Astro Awani The Sun Bernama The Sun Bernama	Neutral
2.	Wanita Rugi RM30,000 Ditipu Pegawai Polis Palsu https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-rugi-rm30000-ditipu-pegawai-polis-palsu/ https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2336360	Buletin TV3 Bernama	Neutral

3.	<p>Enam Beradik Jadi Anak Yatim Sekelip Mata</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683660/berita/semasa/enam-beradik-jadi-anak-yatim-sekelip-mata#google_vignette</p>	Sinar Harian	Neutral
4.	<p>Warga Emas Ditemukan Lemas Selepas Terjatuh Ke Sungai</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/warga-emas-ditemukan-lemas-selepas-terjatuh-ke-sungai</p>	Berita RTM	Neutral
5.	<p>Sindiket e-Waste Eksploitasi Kanak-Kanak Jadi Buruh</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/683753/berita/nasional/sindiket-e-waste-eksploitasi-kanak-kanak-jadi-buruh</p>	Sinar Harian	Neutral

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

KPWKM TUMPU PENGUKUHAN NILAI KELUARGA DAN MASYARAKAT PADA 2025 MENERUSI LIMA INISIATIF UTAMA



Nancy mengadakan Sesi Townhall Inisiatif Tahun 2025 KPWKM pada Selasa bagi mendapatkan pandangan, input serta cadangan daripada pemegang taruh. - Gambar FB KPWKM

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memberi tumpuan utama untuk menerajui pengukuhan nilai-nilai keluarga dan masyarakat melalui lima inisiatif utama pada 2025.

Dalam kenyataan pada Selasa, KPWKM memaklumkan, lima inisiatif utama itu ialah pemerkasaan institusi keluarga, pembelaan dan peningkatan profesionalisme wanita serta pemantapan dan kesejahteraan komuniti.

Inisiatif utama lain ialah pembangunan keupayaan dan potensi masyarakat serta pembangunan sektor penjagaan.

KPWKM memaklumkan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri turut mengadakan Sesi Townhall Inisiatif Tahun 2025 KPWKM pada Selasa bagi mendapatkan pandangan, input serta cadangan daripada pemegang taruh.

Sesi berkenaan merupakan usaha KPWKM untuk menyediakan inisiatif 2025 yang lebih inklusif selaras dengan Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 27 Julai tahun lepas.

Seramai 300 wakil dari pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) hadir menjayakan sesi itu dan KPWKM mengambil cakna terhadap semua input yang diutarakan bagi manfaat semua kumpulan sasaran serta penambahbaikan perkhidmatan. - BERNAMA

WANITA RUGI RM30,000 DITIPU PEGAWAI POLIS PALSU

SEREMBAN: Seorang penolong pengurus syarikat kerugian RM30,000 selepas diperdaya sindiket penipuan melalui panggilan telefon (phone scam) yang menyamar sebagai pegawai polis di Gemencheh, Jempol pada 27 Ogos lepas.

Ketua Polis Daerah Jempol Supt Hoo Chang Hook berkata wanita berusia 44 tahun itu dilaporkan menerima panggilan telefon daripada lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Norazlan daripada Kementerian Komunikasi di Putrajaya, memaklumkan nombor telefon pengadu disekat kerana terlibat dengan beberapa kes jenayah.

Beliau berkata lelaki tersebut kemudian meminta pengadu menghubungi nombor 999 untuk buat pengesahan berkaitan kes ini.

“Pada 9.30 pagi, pengadu menghubungi 999 kerana percaya talian itu adalah pihak polis dan dijawab seorang perempuan yang memperkenalkan diri sebagai Sarjan Ain daripada IPK (Ibu Pejabat Polis Kontijen) Kelantan dan wanita itu memaklumkan telah membuat semakan daripada Bukit Aman berkaitan perkara ini.

“Seterusnya, pengadu menerima panggilan menerusi aplikasi WhatsApp memaklumkan dia terlibat dengan kes jenayah penggubahan wang haram serta dadah bersama seorang lelaki Cina dan turut terlibat penjualan kad ATM CIMB kepada lelaki tersebut berjumlah RM 20,000, selain menerima komisen bulanan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Hoo berkata pengadu sekali lagi menerima pesanan WhatsApp daripada nombor tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai ASP Datuk Azmi daripada Bahagian Siasatan Jenayah IPK Kelantan memberitahu kes pengadu dapat diselesaikan.

“Pengadu seterusnya diminta memuat turun aplikasi Bank Negara Malaysia (BNM) dan diminta mengisikan maklumat yang diperlukan untuk kes ini disiasat oleh juruaudit daripada BNM. Wanita itu kemudiannya mengisi butiran peribadi serta akaun termasuk nombor pin dalam pautan yang diberi oleh pemanggil tersebut,” katanya.

Beliau berkata pengadu kemudiannya berasa curiga lalu membuat semakan ke atas akaun Maybank dan mendapati duit sebanyak RM30,000 telah dipindahkan ke dalam akaun yang tidak dikenali.

Hoo berkata wanita itu berasa ditipu lalu membuat laporan polis bagi tindakan selanjutnya dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan. –
BERNAMA

ENAM BERADIK JADI ANAK YATIM SEKELIP MATA



Enam beradik dari Kampung Chuchuh Puteri tidak pernah menyangka gulai lemak pucuk paku serta ayam madu goreng menjadi masakan terakhir ibu mereka yang maut dalam kemalangan di kilometer 76, Jalan Kota Bharu-Gua Musang berhampiran Masjid Pahi, Kuala Krai pada Isnin.

KUALA KRAI - Enam beradik dari Kampung Chuchuh Puteri di sini tidak pernah menyangka gulai lemak pucuk paku serta ayam madu goreng menjadi masakan terakhir ibu mereka yang maut dalam kemalangan di kilometer 76, Jalan Kota Bharu-Gua Musang berhampiran Masjid Pahi di sini pada Isnin.

Anak sulung, Muhamad Riduan Mohd Yusoff, 25, berkata, hal ini kerana sudah lama ibunya, Zaiton Haron, 49, tidak memasak masakan yang enak tersebut kerana kebiasaannya hanya nasi putih dan telur goreng sahaja.

"Sehari sebelum kejadian ibu ada pulang ke rumah pada sekitar jam 11 pagi hingga 6 petang. Sepanjang tempoh itu ibu tidak duduk diam, dia memasak, kemas rumah, jemur tilam, cuci pakaian dan sebagainya.

"Kebiasaannya apabila ibu pulang melawat kami di rumah, dia banyak berehat serta hanya masak nasi serta telur sahaja. Inilah kali pertama dia beria masak dan tidak sangka ia merupakan kali terakhir kami dapat merasa air tangannya," katanya sebak ketika ditemui pemberita di rumah di Kampung Chuchuh Puteri di sini pada Selasa.



Dua beradik berusia 8 dan 12 tahun menunjukkan gambar ibu mereka.

Muhamad Riduan merupakan 'penjaga' kepada lima adiknya yang berusia 8 hingga 20 tahun apabila kedua ibu bapa mereka berpisah Januari lalu dan arwah Zaiton terpaksa meninggalkan anak-anak untuk bekerja sebagai pembantu kantin di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pahi.

Ibu tunggal tersebut menumpang di rumah ibu saudaranya, Noriha Che Ali, 49, di Kampung Pahi yang juga maut dalam kemalangan tersebut ketika motosikal dinaiki mereka berdua dirempuh oleh sebuah kereta ketika pulang dari kerja.

Menurut Muhamad Riduan, sehingga sekarang dia dan adik-adiknya masih terkejut dan tidak percaya ibu mereka telah tiada.

Ujarnya, mereka mengetahui tentang kemalangan itu pada jam 3.30 petang selepas dimaklumkan oleh penduduk kampung kemudian dibawa oleh saudara mara ke Hospital Sultan Ismail Petra untuk melihat ibu.

Dia memberitahu, ibunya telah meninggal dunia di lokasi kejadian dan ketika itu hanya ALLAH yang tahu bagaimana perasaan mereka.

"Ayat terakhir ibu pada Ahad lalu sebelum menaiki motosikal pulang ke Pahi, dia berpesan kepada saya untuk menjaga adik-adik. Jika mereka lapar, tolong masak, jaga adik-adik.

"Rupanya ini pesanan terakhir ibu. Saya mengambil tugas menjaga adik-adik sejak Ramadan lalu iaitu bulan Mac," katanya yang sanggup berhenti kerja sebagai pembantu kedai di Kuala Lumpur dan pulang ke kampung untuk menjaga tiga adiknya yang masih bersekolah.

Menurut dia, jenazah ibunya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Rancangan Pemulihan Tanah (RPT) Chuchuh Puteri pada jam 10.30 pagi.

Sinar Harian Online melaporkan dua sahabat maut dipercayai apabila motosikal dinaiki dirempuh oleh sebuah kereta ketika pulang dari kerja di kilometer 76, Jalan Kota Bharu - Gua Musang berhampiran Masjid Pahi di sini pada Isnin.



Sinar Harian Online melaporkan dua sahabat maut dipercayai apabila motosikal dinaiki dirempuh oleh sebuah kereta ketika pulang dari kerja di kilometer 76, Jalan Kota Bharu - Gua Musang berhampiran Masjid Pahi di Kuala Krai pada Isnin.

Kedua-dua wanita yang berusia 48 dan 49 tahun itu meninggal dunia di lokasi kejadian akibat kecederaan parah pada bahagian kepala dan kaki.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintenden Mazlan Mamat berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kejadian tersebut pada jam 4 petang.